

Kenaikan tambang MAS masih murah

BH 20 JUL 2001

PUTRAJAYA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur sikap sesetengah rakyat tempatan yang mahukan segala-galanya murah, termasuk tambang kapal terbang tetapi pada masa yang sama mahukan yang terbaik.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menjelaskan bahawa kenaikan kadar tambang perkhidmatan domestik Penerbangan Malaysia (MAS) masih antara yang termurah di rantau ini walaupun sete-

lah dinaikkan sebanyak 51.8 peratus.

"Saya berpendapat rakyat harus sedar bahawa di Malaysia, semua bayaran adalah rendah, malah tol juga rendah. Di Malaysia kita mahu segala-galanya yang terbaik tetapi kita mahu bayar pada kadar kelas ketiga... tak bolehlah," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara, di sini.

Kabinet semalam meluluskan kenaikan kadar tambang perkhidmatan do-

mestik MAS di Semenanjung sebanyak 51.8 peratus iaitu daripada 32.5 sen kepada 49 sen sekilometer.

Bagaimanapun, tambang untuk penerbangan antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak serta penerbangan domestik di kedua-dua negeri itu kekal pada kadar sekarang.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, ketika mengumumkan semalam berkata, diserahkan kepada syarikat penerbangan itu untuk menetapkan tarikh berkuat-

kuasa kadar baru berkenaan.

MAS pula akan mengumumkan kadar tambang baru serta tarikh pelaksanaannya sebaik saja struktur mengenai perkara itu siap.

Dr Mahathir berkata, secara perbandingan, kadar tambang MAS buat masa sekarang adalah satu pertiga daripada tambang domestik syarikat penerbangan Indonesia, Garuda.

"Kita mengenakan tambang yang begitu murah. Kita sanggup mengenakan

tambang yang rendah untuk golongan yang tidak mampu dan sebab itulah kita tidak naikkan kadar bagi Sabah dan Sarawak buat masa kini.

"Namun, sebenarnya ia masih begitu murah dan yakin orang ramai tetap akan menggunakan MAS walaupun harga tiket dinaikkan 50 peratus. Ia jauh lebih rendah daripada kadar domestik yang dikenakan di negara-negara lain," katanya.

Oleh itu, katanya, adalah tidak adil untuk me-

minta entiti komersial seperti MAS menyediakan subsidi kepada orang ramai.

Sebaliknya kata beliau, kerajaanlah yang seharusnya memberi subsidi dan bukan syarikat komersil.

"Jika kita (kerajaan) mahu menjual MAS kepada seseorang atau mendapatkan orang untuk melabur dalam MAS, mereka tidak akan melabur jika mereka diminta untuk memberi subsidi bagi tambang penerbangan," katanya.